



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Bisnes			
TARIKH	:	3/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	TNB			

TNB tubuh syarikat pengurusan aset RE

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menubuhkan syarikat pelaburan dan pengurusan aset tenaga boleh baharu (RE), Vantage RE Ltd (Vantage) yang akan memiliki, mengendalikan dan mengurus aset dalam portfolio RE di United Kingdom serta serata Eropah.

Vantage akan menjadi komponen penting dalam perancangan bermatlamat TNB yang berpaksikan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam perniagaan syarikat utiliti itu.

Selain itu, unjuran pertumbuhan RE yang mantap dan sokongan rangka kerja kawal selia di UK, serta berbekalkan pengalaman di negara itu, meletakkan TNB dalam kedudukan yang unik untuk menceburkan diri dalam lebih banyak peluang di benua itu.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata TNB sudah melabur dalam sektor solar dan angin di UK sejak 2017.

Katanya, sepanjang tempoh empat tahun lalu, TNB berjaya melabur dalam bidang RE di negara itu sebanyak hampir 400MW.

"Cabang perniagaan RE antarabangsa jadi keutamaan TNB untuk terus berkembang maju dalam



TNB yakin cabang perniagaan RE di UK dan Eropah berpotensi berkembang maju dalam jangka masa panjang.

(Foto hiasan)

jangka masa panjang.

"Untuk mencapai aspirasi sebagai menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa, kami akan terus melabur dalam jumlah yang besar untuk bidang ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Baharin berkata, pihaknya yakin aktiviti itu akan memberi sumbangan secara meluas terhadap penjana rendah karbon dan seterusnya merancakkan komitmen TNB terhadap matlamat ESG.

"Kami faham kepentingan ESG terhadap pelabur, selaras dengan nilai dan keutamaan dalam pemilihan pelaburan mereka.

"Kami tidak akan semata-mata melakukan inisiatif hijau tanpa hala tuju yang jelas, kerana tahu satu anjakan penting diperlukan untuk memperluaskan dan mendalami laluan kelestarian global.

"Dengan penubuhan Vantage, kami berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran keseluruhan kapasiti RE TNB sebanyak 8,300MW," katanya.

Tambahnya, sejajar dengan visi ESG global TNB, pihaknya akan terus mengembangkan portfolio RE dalam pasaran tumpuan serta memanfaatkan aset, pengalaman dan keupayaan sedia ada.

Berpangkalan di London, Vantage bakal diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Vian

Davys yang memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang RE di UK dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Antarabangsa TNB, Shahazwan Harris, berkata dengan sokongan daripada pasukan yang terdiri daripada pekerja tempatan UK di samping warga kerja TNB dari Malaysia, Vantage bersedia untuk berkembang dengan pantas dalam pasaran.

Katanya, selaras dengan kedudukan TNB sebagai penggiat industri tenaga di UK yang berpengalaman dan diyakini.

"Pelan pertumbuhan jangka pendek Vantage akan berfokus kepada pengambilalihan Renewable Obligation Certificates (ROCs) tersubsidi dan aset Feed-in-Tariff (FIT) di serata UK dan Ireland.

"Pada Mei tahun ini, Vantage berjaya menyempurnakan pengambilalihan tambahan turbin angin darat dengan hasil kontrak di bawah skim FIT, menjadikan jumlah kapasiti tenaga angin syarikat kepada 26.6MW.

"Selain aset sedia ada, Vantage mengatur langkah untuk pengambilalihan aset beroperasi termasuk aset yang akan diambil alih menerusi pembidaan bersaingan," katanya.

